

SPE TEKAD MELAHIRKAN TENAGA PROFESIONAL DAN USAHAWAN CEKAP



Tenaga kerja profesional serta usahawan yang cekap dan kompeten dalam pelbagai bidang perniagaan, ekonomi dan perakaunan merupakan satu keperluan dalam sesebuah negara untuk terus berkembang pesat dan maju ke hadapan. Dalam hal ini, Universiti Malaysia Sabah melalui Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) terus memainkan peranannya dalam melahirkan graduan yang berkualiti dan berdaya saing bagi mencapai transformasi negara ke arah sebuah negara maju yang berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Ditubuhkan pada tahun 1995, sekolah ini yang pada awalnya hanya menawarkan tiga program terus menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan dan kini telah mempunyai sepuluh program pengajian yang ditawarkan. Daripada keseluruhan program tersebut, peningkatan kemasukan pelajar yang bersilih ganti terus meningkat sabah tahun. Pada tahun ini, enrolmen pelajar yang sedang mengikuti pengajian di kesemua program menghampiri 3000 orang merangkumi pelajar prasiswazah dan pascasiswazah.

Pelbagai pencapaian turut dicatatkan oleh SPE sepanjang tahun 2010/2011. Bagi kakitangan akademik, antara pencapaian yang diperoleh termasuklah pemberian Anugerah Penyelidikan Terbaik (FRGS) di bawah Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia 2010 (Prof. Madya Dr. Noorhayati Mansor), Anugerah Pengajaran UMS (Pensyarah Cemerlang) dalam Majlis Anugerah Inovasi 2010 (Pengiran Dr. Hassan Bahar Pengiran Bagul) dan Anugerah Kertas Terbaik (iEcons) 2011 (Dr. Mohd Rahimie Abd Karim). Selain itu, beberapa anugerah lain turut dikecapi termasuklah Anugerah Kertas Terbaik (ICABEC) 2011 (Prof. Madya Dr. Hjh. Arshah Hj. Bahron/ En. Oscar Dousim), Anugerah Pingat Emas (Prof. Dr. Amran Ahmed/Prof. Madya Dr. Hjh. Arshah Hj. Bahron/ Dr. Caroline Geetha/En. Vivin Vincent Chandran) dan Anugerah Pingat Gangsa (Prof. Madya Dr. Noorhayati Mansor) pada majlis PEREKA 2011.

Pelajar SPE juga turut tidak kurang hebatnya apabila turut mencatat pelbagai pencapaian memberangsangkan. Kejayaan-kejayaan itu termasuklah merangkul Anugerah Kecemerlangan Hal Ehwal Pelajar kategori persatuan (PMPE) 2010/2011 dan mendapat Anugerah Kecemerlangan Hal Ehwal Pelajar kategori Olahragawati (Yin Yee Wen). Selain itu, terdapat empat pelajar SPE telah menerima anugerah pingat sempena Konvokesyen UMS ke-12 (2010) yang lalu, iaitu Anugerah Pingat Pelajaran Diraja, Andi Tamsang Andi Kele (Kategori Bumiputera) dan Rebecca Sylvia Phang (Kategori Bukan Bumiputera). Dua anugerah yang lain iaitu Anugerah Hadiah Zainal Abidin Bador diterima oleh Shafinaz Naim dan Anugerah Hadiah Pengajian Luar Kampus pula diberikan kepada Ching Hui Fung @ Sarah Chin.

Antara aktiviti penyelidikan yang telah dijalankan oleh SPE adalah seperti berikut;

- Redefining Destination Management : Identifying Critical Success Factors on Tourism Sustainability and Corporate – oleh Prof. Madya Dr. Janie Liew Heng Mei (2010)
- Assessing Benefits of ERP Scorecards on Company's Performance - Prof. Madya. Dr. Noorhayati Mansor.(2010)
- An Establishment of the Role of Public and Private Sector Interests in the Context of Tourism Transport Planning and Development: The Case of Malaysia – oleh Prof. Madya Dr Janie Liew Heng Mei, Sharon Cheuk Choy Sheung, Grace Phang Ing, and Izyanti Awang Razli.(2010)
- Innovation and Entrepreneurial of Ethnic Products in Malaysia – oleh Prof. Madya Dr. Noorhayati Mansor, Bamini Balakrishnan, Roseni Ariffin and Ruth S. Sigantul.(2011)
- Measuring and Matting The Management of Cultural Orientations and Strategic Thinking of Major Sabah and Sarawak Ethnic Groups, Malay, Chinese, and Indian Entrepreneurs in Malaysia – oleh Prof. Dr. Syed Azizi Syed Khalid Wafa (2011)
- Sustainable Tourism Niche – oleh Dr. Pengiran Hassan Bahar Pengiran Bagul (2011)

Prospek kerjaya pelajar-pelajar Sekolah Perniagaan dan Ekonomi adalah sangat cerah dan luas. Di antara jenis kerjaya yang boleh diceburi mengikuti bidang program yang ditawarkan adalah seperti berikut;

HE02 Perakaunan: Dengan pengetahuan dan kemahiran di dalam bidang perakaunan yang ada, golongan graduan daripada Program Perakaunan ini akan mampu untuk memenuhi tuntutan prospek pekerjaan yang luas sama ada di sektor awam mahupun swasta.

HE04 Keusahawanan: Graduan boleh memulakan perniagaan sendiri atau menasihati mana-mana usahawan yang ingin memulakan perniagaan sendiri. Graduan juga boleh mencari peluang pekerjaan dalam mana-mana jawatan keusahawanan yang melibatkan skop yang luas seperti menjadi pemimpin atau pengurus sesebuah perusahaan sama ada kecil atau besar, atau mengurus sesebuah usahasama syarikat baru di dalam sesebuah organisasi.

HE05 Ekonomi Perancangan & Pembangunan: Graduan boleh menyertai bidang daripada sektor awam dan swasta antaranya sebagai pegawai perancang ekonomi, pegawai perancang bandar dan pegawai pembangunan.

HE06 Pengurusan Kewangan & Perbankan : Dengan pengetahuan yang seimbang dari segi pengurusan kewangan dan perbankan, graduan boleh mencari peluang pekerjaan sama ada dari sektor awam atau swasta seperti Bank Negara, Suruhanjaya Sekuriti, Bahagian Kewangan sama ada institusi kewangan tempatan atau luar negara, bank, syarikat insurans, konsultan mahupun usahawan.

HE07 Ekonomi Kewangan : Graduan boleh mencari pekerjaan dalam institusi kewangan seperti bank, syarikat insurans dan



amanah saham, korporat kewangan, syarikat pembrokeran, syarikat konsultan kewangan dan sektor awam.

HE08 Pengurusan Perhotelan : Graduan boleh mencari peluang pekerjaan dalam bidang pengurusan hotel serta boleh menjadi usahawan.

HE09 Perniagaan Antarabangsa: Graduan boleh menceburi bidang yang berkaitan dengan globalisasi dan kebudayaan seperti syarikat multinasional serta sektor awam.

HE10 Pemasaran : Graduan boleh menceburi bidang berkaitan pemasaran seperti perancang pemasaran, pengurusan jualan, pemasar jenama, pengurus produk dan pengiklanan, pengurus jualan runcit, pegawai perhubungan awam, pengurus perkhidmatan dan penyelidikan pemasaran.

HE11 Ekonomi Sumber Manusia: Antaranya merangkumi pegawai atau pengurus sumber manusia, penganalisis ekonomi, pegawai hubungan industri bagi sektor awam atau swasta.

HP08 Pengurusan Pelancongan: Graduan berpeluang menceburi bidang pengurusan pelancongan seperti konsultan pelancongan, operator pelancongan, pemasar destinasi, pengurus acara atau menjadi usahawan pelancongan.

Sempena Majlis Konvokesyen ke-13 tahun 2011, seramai 554 bakal graduan Sekolah Perniagaan dan Ekonomi (SPE) akan menerima skrol Ijazah Sarjana Muda dalam bidang Perniagaan, bidang Ekonomi dan bidang Perakaunan pada 28 November 2011 nanti. Pihak Pentadbiran dan Akademik SPE mengucapkan tahniah kepada semua bakal graduan SPE dan selamat maju jaya!